

29/08/2003

Naza Ria tepati keperluan rakyat

KUALA LUMPUR: Kenderaan pelbagai guna (MPV) nasional pertama Naza Ria yang dilancarkan kelmarin mendapat sambutan menggalakkan.

Mereka berpendapat, harga yang ditawarkan bagi Naza Ria sungguh ekonomi dan paling sesuai bagi mereka yang mempunyai bilangan ahli keluarga ramai.

Seorang pengurus syarikat swasta, Khairul Azizi, 33, berkata kenderaan seperti itu memang dinantikan rakyat Malaysia bagi mereka yang mementingkan keselesaan dan harga yang ekonomi.

Beliau berkata, ia sekali gus memberi peluang kepada pengguna untuk memiliki MPV kerana sebelum ini semuanya diimport dan dijual dengan harga yang tinggi.

"Saya yakin, Naza Ria ini mampu dimiliki kerana dijual dengan harga yang berpatutan dan menepati cita rasa pengguna," katanya ketika ditemui Berita Harian di sini, semalam.

Pelakon popular, Rosyam Noor juga tidak melepaskan peluang untuk memiliki MPV kerana menganggap ia adalah kenderaan masa depan.

Beliau berkata, pelancaran jualan MPV nasional juga bertepatan dengan taraf hidup masyarakat yang semakin maju dan mementingkan keselesaan.

"Penjualan Naza Ria ini adalah tepat pada masanya kerana rakyat Malaysia sememangnya minat membeli MPV dan antara faktor ialah kerana mempunyai keluarga yang besar," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin melancarkan MPV keluaran Syarikat Naza Kia Sdn Bhd (Naza) itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa (MIEC) The Mines di sini.

Naza Ria dijual pada harga RM98,888 bagi pendaftaran peribadi dan RM99,227.91 bagi pendaftaran syarikat. Setakat ini, kira-kira 5,000 Naza Ria sudah dijual.

MPV Naza Ria V6 2.5 liter itu dihasilkan menerusi kerjasama teknikal dengan Kia Motors Corporation (KMC) Korea.

Sementara itu, seorang peniaga, M Subramaniam, 37, berkata beliau memang menantikan Naza Ria dilancarkan sejak beberapa bulan lalu, malah tempahan juga sudah dibuat.

"Malah, konsep kenderaan ini amat sesuai digunakan untuk percutian yang membabitkan perjalanan jauh," katanya.

Aini Abdul Halim Rahim, 30, berkata beliau suka kepada konsep MPV yang bergaya eksklusif serta keselesaan di ruang dalamnya.

"Saya juga sudah membuat tempahan Naza Ria dan akan mendapatnya dalam tempoh beberapa minggu lagi," katanya.